



TERMA RUJUKAN

PELANTIKAN TENAGA PAKAR TEKNIKAL BAGI MEMBANGUNKAN BAHAN PENGAJARAN DAN DOKUMEN PEPERIKSAAN (KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN TEORI DAN SKEMA JAWAPAN) BAGI KURSUS LATIHAN SEDA MALAYSIA *GRID-CONNECTED PHOTOVOLTAIC (GCPV) SYSTEM DESIGN* DAN SEDA MALAYSIA *OFF-GRID PHOTOVOLTAIC (OGPV) SYSTEM DESIGN*

1. OBJEKTIF

Tujuan pembangunan bahan pengajaran dan dokumen peperiksaan yang terdiri daripada kertas soalan peperiksaan teori dan skema jawapan bagi kursus latihan *SEDA Malaysia GCPV System Design* dan *SEDA Malaysia OGPV System Design* adalah untuk kegunaan dalam pelaksanaan kursus dan tenaga pengajar dalam memastikan bahawa kursus latihan yang diajar adalah berdasarkan piawaian yang ditetapkan.

2. SKOP PERKHIDMATAN

2.1. Skop perkhidmatan kerja oleh pihak tenaga pakar adalah seperti berikut;

2.1.1. Bahan pengajaran:

2.1.1.1. Membangunkan bahan pengajaran dalam format *Microsoft Power Point* bagi kursus latihan:

- *SEDA Malaysia Grid-Connected Photovoltaic System Design*; dan
- *SEDA Malaysia Off-Grid Photovoltaic System Design*.

2.1.1.2. Bahan pengajaran yang akan dibangunkan bagi:

- Sesi kelas teori di mana isi kandungan bahan pengajaran tersebut adalah berdasarkan dan tidak terhad kepada buku-buku rujukan yang telah dibangunkan bagi kursus latihan tersebut iaitu:
 - *Fundamental of Solar Photovoltaics Technology*;
 - *Design and Sizing of Grid-Connected Photovoltaic Power System*; dan

- *Design and Sizing of Off-Grid Photovoltaic Power System.*
- Sesi kelas praktikal di mana tenaga pakar perlu menyenaraikan keperluan peralatan dan ujian-ujian yang akan dijalankan bagi sesi praktikal berdasarkan kepada piawaian yang berkaitan.

2.1.2. Dokumen Peperiksaan

2.1.2.1. Membangun lima (5) set kertas soalan dan skema jawapan (“Dokumen peperiksaan”) yang terdiri daripada bahagian A dan bahagian B bagi peperiksaan teori untuk setiap kursus latihan seperti di bawah:

- *SEDA Malaysia Grid-Connected Photovoltaic System Design*; dan
- *SEDA Malaysia Off-Grid Photovoltaic System Design.*

2.1.2.2. Dokumen peperiksaan yang akan dibangunkan adalah berdasarkan dan tidak terhad kepada buku-buku rujukan yang telah dibangunkan bagi kursus latihan tersebut iaitu:

- *Fundamental of Solar Photovoltaics Technology*;
- *Design and Sizing of Grid-Connected Photovoltaic Power System*; dan
- *Design and Sizing of Off-Grid Photovoltaic Power System.*

2.1.3. Membuat pembentangan bahan pengajaran dan dokumen peperiksaan yang telah siap disemak kepada SEDA Malaysia untuk penambahbaikan;

2.1.4. Menghantar satu (1) dokumen draf akhir bahan dan dokumen peperiksaan yang lengkap bagi setiap kursus latihan yang dinyatakan di Klausula 2.1.1.1 dan 2.1.2.1 dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy*;

2.1.5. Menghadiri mesyuarat pelaksanaan kerja di SEDA Malaysia atau secara dalam talian (sekiranya perlu); dan

2.1.6. Bahan pengajaran dan dokumen peperiksaan yang telah lengkap perlu diserahkan kepada SEDA Malaysia untuk dijadikan sebagai dokumen rasmi dan hakmilik SEDA Malaysia.

3. TEMPOH PELAKSANAAN KERJA

3.1. Tempoh pelaksanaan kerja ialah selama **tiga (3) bulan**.